


## WARISAN



*Persatuan Sejarah Malaysia  
Cawangan Negeri Sembilan  
Keluaran 6 1981*

## *K A N D U N G A N :*

Kata-kata Aluan Menteri Besar Negeri Sembilan .....	ms. 2
Kata-kata Aluan Yang Di Pertua Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan .....	ms. 3
Rencana Pengarang .....	ms. 4
Gambar AJK Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan .....	ms. 5
Senarai AJK, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan .....	ms. 7
Senarai AJK Kecil Penyelidikan PSM, CNS .....	ms. 7
Senarai AJK Kecil Penerbitan PSM, CNS .....	ms. 8
Sidang Pengarang 1981-82 .....	ms. 8
Sejarah Makam Tok Ambik — — Norida Borhan — .....	ms. 9
Tokoh Ulamak Batu Kikir: — Mustafa Hj Dolah — .....	ms. 13
Sejarah Ringkas Kedatangan Orang-orang Minangkabau dan Adat Perpatih Ke Negeri Sembilan — Ibrahim Mustapa — .....	ms. 21
Ciri-ciri Menarik dari Perbilangan Adat Perpatih — Hjh. Aishah Sharif — .....	ms. 31
Kegiatan Perlombongan Bijih Timah di Jelebu Tahun-tahun 1890an: Satu Tinjauan — — Othman Hj. A. Bakar — .....	ms. 35
Sejarah Peperangan Linggi Kecil: — Tan Sri Dr. Mohamed Said — — Alih bahasa: Mohd. Misan Mastor — .....	ms. 40
Perkembangan Pengajian Islam di Negeri Sembilan: — Sabariah Shukur — .....	ms. 45
Rumah-rumah Melayu Negeri Sembilan: Satu Tinjauan: — Yaakob Idrus — .....	ms. 50
<b>BAHAGIAN PENYELIDIKAN:</b>	
Laporan AJK Kecil Penyelidikan, Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan: — HMNL — .....	ms. 57
Kota Simpang: — Abd. Aziz Salleh — .....	ms. 59
Sejarah Masjid Kuala Dulang: — Ismail Abdullah — — Disusun semula: Mohd. Isa Jadi — .....	ms. 63

Talipon: Seremban 72421 & 72311.  
PEJABAT MENTERI BESAR,  
NEGERI SEMBILAN.

No. Fail MBNS. 1.09



فُجَابَةً مُنْتَرِي بَسَرِ  
نَكْرِي سَمْبِيلَانْ.

MENTERI BESAR, NEGERI SEMBILAN.

## KATA-KATA ALUAN

—————: ★ : —————

Tahniah saya ucapan kepada Jawatankuasa Kecil Penerbitan Per-satuan Sejarah Malaysia cawangan Negeri Sembilan ini di atas penerbitan semula majalah WARISAN.

Dari apa yang saya difahamkan WARISAN telah berjaya memaparkan kepada umum unsur-unsur sejarah dan perjuangan bangsa masa silam untuk dijadikan tauladan dan pelajaran.

Saya berharap keluaran-keluaran masa depan WARISAN akan lebih berupaya lagi memberi gambaran yang jernih terhadap sejarah negeri dan negara kita.

Sehubung dengan itu saya ingin mengambil peluang ini menyeru orang ramai memberi kerjasama terhadap penerbitan WARISAN dengan menyumbangkan rencana-rencana dan gambar-gambar yang ada kaitannya dengan sejarah Negeri Sembilan Darul Khusus ini.

Akhir kata saya mengucapkan selamat maju jaya kepada Jawatankuasa Penerbitan ini.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Fuzairi".

DATO' RAIS YATIM  
*Menteri Besar,*  
Negeri Sembilan.

SEREMBAN:  
8hb. Februari, 1982.



Persekutuan Negeri Sembilan

# PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA MALAYSIAN HISTORICAL SOCIETY

CAWANGAN NEGERI SEMBILAN.

d/a Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan, Seremban.

## SERPIHAN RASA

— : 0 : —

Sesungguhnya dengan terbitnya Majalah WARISAN kali ini maka terlaksanalah sudah salah satu program yang telah dirancang oleh Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan. Yang demikian usaha-usaha kearah mendedahkan kesan-kesan sejarah di negeri ini akan bertambah rancak dan berkembang menerusi makalah-makalah yang dimuatkan di dalamnya.

Adalah menjadi harapan Persatuan ini untuk memperbanyakkan lagi bidang penyelidikan dimana hasil penyelidikan itu akan dimuatkan ke dalam majalah ini pada keluaran-keluarannya akan datang.

Ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak Yayasan Negeri Sembilan yang telah memberi bantuan kewangan untuk menjayakan penerbitan Majalah Warisan Kali ini.

Tahniah diucapkan kepada Jawatankuasa kecil Penerbitan dan kepada semua yang menjayakan penerbitan majalah Warisan ini.

Sekian.

(Y.B. MOHD.ISA DATO'HJ.AD.SAMAD PMC)  
Pengerusi  
Persatuan Sejarah Malaysia,  
Cawangan Negeri Sembilan.

Bertarikh: 17hb. Feb. 1982.

## RENCANA PENGARANG




Buat sekian kalinya ‘Warisan’ telah lahir dalam usahanya untuk menambahkan satu lagi dokumen sejarah ke dalam koleksi sejarah tanahair kita. Selaras dengan cita-cita kerajaan bagi menyusun semula konsep sejarah nasional, maka Warisan telah cuba untuk mencungkil kembali khazanah tempatan ini, supaya sentritisma penulisan sejarah negara kita akan dapat menggambarkan corak pen-sejarahan Malaysia yang sebenarnya. Keadaan ini difikirkan wajar memandangkan kegiatan para Orientalis yang cuba untuk memutarbelitkan hakikat dan fakta sejarah tanahair untuk kepentingan dan dasar-dasar penjajahan mereka. Oleh itu dalam usaha kita untuk mengembalikan imej sejarah kita, penerbitan majalah seperti Warisan adalah paling wajar, sesuai dengan cita-cita dan semangat pucuk pimpinan 2M (Mahathir-Musa) di masa ini.

Sememangnya sukar dan banyak sekali duri-onaknya dalam usaha kita untuk memenuhi cita-cita di atas. Walau bagaimana pun AJK Kecil Penerbitan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan N. S., telah cuba dan berusaha untuk memenuhi sebahagian kecil daripada cita-cita tersebut. Antaranya ialah menganjurkan Peraduan Mengarang Sejarah Tempatan di kalangan murid-murid sekolah dan Persatuan-persatuan Belia, bertujuan bagi mencungkil Pengkaji Sejarah bakat baru, disamping untuk menarik minat murid-murid supaya mencintai sejarah tempatan mereka.

Selain dari itu, pihak kami juga telah menghubungi tokoh-tokoh sejarah tempatan, guru-guru sejarah, dan orang perseorangan yang berminalat, untuk mendapatkan sumbangan yang berupa makalah-makalah, bahan-bahan penulisan sejarah, dan bahan-bahan sejarah lainnya yang masih banyak belum diterbitkan lagi. Walau pun sambutannya agak kurang memuaskan, namun sebanyak sedikit telah juga berjaya mendapatkan beberapa bahan dan makalah untuk dimuatkan dalam majalah ini.

Di sini kami ingin menucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan Warisan kali ini. Pertama kali kepada semua AJK Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan, Yayasan Negeri Sembilan atas sumbangan kewangannya, penulis dan penyumbang makalah, semua AJK Kecil dan kepada sesiapa sahaja yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penerbitan majalah ini. Kita semua berharap semoga mereka semua akan terus memberikan sumbangan, sokongan serta kerjasama dalam pembentukan identiti Sejarah Negara kita (menerusi Warisan), di masa-masa yang akan datang.



Duduk dari kiri ke kanan :

Encik Ismail bin Hadi (Setiausaha Kehormat), Tuan Haji Mohamed Nor bin Long (Pengerusi Penyelidikan), Y. B. Encik Mohd. Isa bin Samad (Yang Di Pertua), Dr. Wan Mohd. Zahid bin Mohd. Noordin (Naib Yang Di Pertua), Encik Hashim bin Jasa (Pengerusi Penerbitan), Encik Tan Ghee Peng (Bendahari).

**SENARAI NAMA JAWATANKUASA  
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, 1980 – 1982.**

————— : ★ : —————

1. *Yang Di Pertua* : Y.B. Encik Mohd. Isa bin Hj. Abd. Samad, PMC.
2. *Naib Yang Di Pertua* : Yang Berbahagia Pengarah Pelajaran N. Sembilan (Dr. Wan Mohd. Zahid bin Mohd. Noordin, PPT)
3. *Setiausaha Kehormat* : Encik Ismail bin Abdul Hadi, AMN, PJK.
4. *Pen. Setiausaha Kehormat* : Encik Abd. Aziz bin Salleh
5. *Bendahari* : Encik Tan Ghee Peng, AMN.
6. *Jawatankuasa* : Encik Nordin bin Bakri  
Encik Hashim bin Jasa, AMN.  
Tuan Sy. Jaafar bin Sy. Ab. Rahman, PJK.  
Tuan Hj. Mohd. Arif bin Osman  
Puan Kamariah bt. Hj. Sabeh
7. *Pengerusi Daerah* : Tuan Hj. Hisham bin Omar (Tampin)  
Encik Mohd. Zahidin bin Sidek (Kuala Pilah)  
Encik Abdullah bin Hj. Ludin (Rembau)  
Encik Mohd. Mokhtar bin Mohd. Nor (Seremban)  
Encik Mazlan bin Abdullah (Jelebu)  
Encik Othman bin Hj. Abu Bakar (Port Dickson)  
Encik Idris bin Hussein (Jempol)
8. *Pemeriksa Kira-Kira* : Encik Abu Bakar bin Yahya, AMN, PPN, PMC, PJK.  
Encik Mohd. Zain bin Hj. Rais

**JAWATANKUASA KECIL PENYELIDIKAN  
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, 1980 – 1982.**

————— : ★ : —————

1. *Pengerusi* : Tuan Hj. Mohamed Nor bin Long, PMC.
2. *Jawatankuasa* : Tuan Hj. Mohd. Arif bin Osman  
Dato Hj. Mohd. Sharif bin F. Hassan PPN, PJK.  
Encik Nordin bin Bakari  
Encik Abd. Aziz bin Salleh  
Encik Ibrahim bin Mustafa  
Puan Kamariah bt. Hj. Sabeh  
Puan Norini bt. Ali, PJK.  
Puan Echam bt. Hj. Hassan

**JAWATANKUASA KECIL PENERBITAN  
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, 1981 – 1982.**

————— : ★ : —————

<i>Pengerusi</i>	:	En. Hashim bin Jasa, AMN.
<i>Setiausaha</i>	:	En. Ramthan bin Hj. Maarof
<i>Pen. Setiausaha</i>	:	En. Mohd. Misan bin Mastor
<i>Ahli Jawatankuasa</i>	:	Dato' Hj. Mohd. Sharif bin Fakeh Hassan, PPN, PJK. En. Abd Hamid bin Idris En. Mustafa bin Hj. Sharif En. Mohd. Hisa bin Tahat En. Tan Ghee Peng, AMN. En. Ahmad bin Sihat En. Mazlan bin Abdullah En. Ibrahim bin Mustafa Cik Vicki Muttu, PPN, PPT, PJK. Puan Aishah bte Md. Sharif Puan Sharifah Kintan bte Syed Ali

**SIDANG PENGARANG 1981 – 82.**

————— : ★ : —————

<i>Pengarang</i>	:	En. Mazlan bin Abdullah (Ketua) En. Ibrahim bin Mustafa En. Mohd. Misan bin Mastor
<i>Rekabentuk</i>	:	En. Abd. Hamid bin Idris
<i>Kewangan &amp; Pemasaran</i>	:	En. Tan Ghee Peng, AMN. Cik Vicki Muttu, PPN, PPT, PJK.

# **SEJARAH PEPERANGAN LINGGI KECIL**

OLEH:

**TAN SRI DR. MOHAMED SAID, SEREMBAN.**

ALIH BAHASA:

**MOHD. MISAN MASTOR, KGK.**

(Naskah asal adalah dalam Bahasa Inggeris, tersiar dalam akhbar  
The New Straits Times, Isnin 28hb. Mei, 1973)



Terletak 21 batu ke selatan Seremban, dan 10 batu hala mudek ke hulu muara sungai yang mempunyai nama yang sama, Linggi, adalah merupakan sebuah penempatan orang-orang Bugis di sebuah negeri yang didominasi oleh orang-orang Minangkabau, iaitu Negeri Sembilan. Seperti penempatan-penempatan Bugis di tempat-tempat lain di Malaysia Barat, Linggi bukanlah merupakan satu penempatan yang lama/tua. Walau bagaimana pun semua bukti-bukti yang diperolehi telah menunjukkan bahawa ianya telah dibuka tidak lebih daripada 180 tahun dahulu.

Sebahagian besar dari bukti-bukti mengenainya didapati dari tradisi lisan berasaskan kepada sesuatu fakta terdahulu, sehingga ianya diterima sebagai fakta sejarah sebenar oleh mereka yang menggelarkan dirinya Putera Linggi, yang hanya meminati sejarah secara sambil lalu sahaja.

Semenjak dari zaman kanak-kanak lagi penulis telah biasa mendengar tradisi lisan yang diceritakan oleh saudara-saudara tuanya. Lebai Abas, adalah merupakan khazanah pengetahuan mengenai tradisi lisan Linggi. Beliau merupakan seorang guru agama yang terkenal di masa itu. Tetapi selain dari menjadi 'orang Alim', beliau juga begitu berbangga dengan asal usulnya sebagai seorang yang berketurunan Bugis dari Riau. Beliau dengan jelas dan yakin dapat mengingat kembali akan segala peristiwa-peristiwa penting yang telah berlaku di Linggi tanpa menimbulkan keraguan, seperti nama-nama ketua dan tokoh-tokoh sezaman, dan lain-lain peristiwa, seolah-olah mereka semua hidup sezaman dengan beliau. Tidak hairanlah andainya semasa zaman kanak-kanak lagi, beliau semestinya telah mendengar dan mengalami keadaan yang serupa, seperti juga orang-orang tua yang terdahulu darinya. Peroses pengumpulan maklumat-maklumat tentang zaman silam juga terletak kepada orang-orang tua beliau yang semasa zaman mudanya mendapat cerita-cerita lisan secara bersambung-sambung, hingga akhirnya tiba ke zaman tokoh-tokoh sebenar pembuka Linggi oleh Lebai Dolman dan abangnya Kanda Ali.

Tradisi lisan seperti ini tidak disokong oleh mana-mana bukti bertulis, sehingga ke pertengahan tahun-tahun 1920an apabila seorang pengkaji dan pengumpul tradisi lisan yang begitu gigih, iaitu Allahyarham Datuk Panglima Perang Abdul Samad bin Haji Zainudin (lebih terkenal dengan panggilan Cikgu Samad), telah menjumpai satu dokumen lama yang telah mencatitkan dengan tepat tarikh sebenar penemuan/pembukaan Linggi pada tahun 1212 Hijrah (1793 M). Dokumen tersebut juga menunjukkan akan tarikh-tarikh perlantikan pemimpin-pemimpin Linggi dan juga tarikh-tarikh kemangkatannya.

Bukti-bukti dalaman menunjukkan bahawa dokumen tersebut telah ditulis di zaman Datuk Muda Haji Mohd. Peral, yang telah dilantik kejawatan tersebut dalam tahun 1870 dan meninggal dunia pada tahun 1893. Tarikh di antara pembukaan Linggi dengan kematian beliau adalah merupakan satu zaman pergolakan yang penuh bermakna, bukan sahaja kepada Linggi khususnya tetapi juga kepada se'arah Negeri Sembilan umumnya. Oleh yang demikian memangnya berasas untuk mengatakan bahawa tarikh yang telah dicatitkan dalam dokumen tersebut, iaitu yang menyentuh perlantikan pemimpin-pemimpin yang terdahulu yang menguasai hal ehwal Linggi dan juga peraturan-peraturan lainnya, kebanyakannya didapati daripada sumber-sumber perseorangan pengarang sendiri, dengan tokok tambah dari tradisi lisan yang telah diceritakan oleh orang-orang tua yang terdahulu darinya.

Adalah jelas bahawa dokumen itu bukan sahaja telah mengesahkan tradisi lisan berkenaan Linggi tetapi juga telah memperakukan dan membuang semua prasangka serta kekeliruan yang tidak berasas, bahwasanya tokoh sebenar pembuka Linggi ialah dua orang adik beradik iaitu Lebai Dolman dan Kanda Ali, cucu kepada Tok Serilah. Keadaan ini bertambah jelas sejauh yang menyentuh berkenaan dengan adat dan peraturan-peraturan di Linggi, terutamanya bersangkutan dengan peraturan dalam pemilihan ketua-ketua/pemimpin di tempat itu.

Walau bagaimanapun dokumen itu masih menimbulkan persoalan kerana iaanya tidak menyatakan Ketua Keluarga/asal keturunan (pater families) orang-orang Linggi iaitu Tok Awaludin. Dalam tradisi lisan bagaimanapun, ada mengaitkan secara samar-samar, antara beliau dengan kakaknya Tok Serilah, yang telah bersama-sama dengan pengikut-pengikutnya datang ke Linggi dari Kampung Penajis, Rembau, iaitu tempat asal selepas beliau berhijrah dari Riau pada tahun 1775.

Mereka akhirnya mendirikan perkampungan di satu tempat yang baik iaitu di Pengkalan Kundang, tetapi mereka terpaksa pulang semula ke Penajis setelah tanaman padi kali pertamanya habis dimusnahkan oleh tikus.

Sejauh ini, artikel ini sebahagian besarnya hanya menceritakan sejarah tradisi Linggi tanpa bukti yang dapat menyokongnya. Namun begitu, sejarah mengenai Linggi pernah tercatit sekurang-kurangnya di empat artikel kajian sejarah yang dapat diakui kebenarannya.

Salah satu hasil penulisan sejarah tersebut ialah 'Tuhfat al-Nafis' oleh Raja Ali Haji dari Riau. Karya ini ditulis pada tahun 1282H (1865 M), dan berada dalam bentuk manuskrip sehingga mendiang Sir Richard Winstedt menerbitkannya dalam 'JMBRAS' pada tahun 1932.

Kajian sejarah ini sebenarnya ditulis dalam keadaan yang sangat tidak teratur dan tidak bermutu, sehingga boleh menimbulkan kekeliruan dan ketegangan apabila kita membacanya. Walau bagaimanapun ringkasannya dalam Bahasa Inggeris yang dibuat oleh Winstedt dan diterbitkan bersama-sama naskhah jawinya, telah memberikan satu idea yang baik, mengapa sarjana terkenal ini menganggapnya sebagai 'satu catatan sejarah yang menarik dan berfaedah'. Apa yang sangat-sangat menarik hati penulis tentang kajian tersebut, sudah barang tentunya catatan mengenai Linggi yang disebut di dalamnya.

Dalam kajian tersebut, Linggi dijadikan tempat meletusnya peperangan di antara angkatan Raja Kecik dari Siak, yang baru sahaja menawan semula Riau, dengan lima beradik keluarga Raja Bugis di bawah Daeng Perani, yang telah

menghalau beliau dari Riau pada tahun 1721. Adalah jelas, seperti yang dinyatakan dalam Tuhfat al-Nafis, bahawa perperangan tersebut berlaku di Kuala Linggi, dan bukannya di Linggi yang terletak sepuluh batu dari muara.

Perperangan ini sebenarnya merupakan satu perperangan yang besar, dengan kedua-dua pihak menggunakan kapal-kapal perang yang besar ukurannya. Kapal perang yang begitu besar itu dipanggil 'ghurab' dan 'penjajab' oleh penulis. Askar di kedua pihak juga menggunakan senjata seperti meriam, istinggar dan juga rentaka.

Di samping fakta-fakta bahawa perperangan telah berlaku pada tahun 1721, iaitu 72 tahun sebelum Linggi dibuka, nama-nama lima Daeng Bugis dan Yam Tuan Muda Daeng Kemboja tidak diketahui langsung oleh orang-orang Linggi. Tidak juga didapati peninggalan kubu-kubu seperti yang dicatat dalam Tuhfat al-Nafis yang telah didirikan oleh penyokong-penyokong Raja Kecik dan ditawan oleh orang-orang Bugis dalam perperangan tersebut. Sementara itu sejarah tradisi lisan lebih mengambil kira perperangan-perperangan kecil yang melibatkan orang-orang Linggi dengan tentera-tentera Nakhoda Lope, Undang Rembau dan Datuk Bandar Sungai Ujong; perperangan seperti yang tercatit dalam Tuhfat al-Nafis tetap tidak disentuh.

Tiga puluh tahun selepas berlakunya perperangan tersebut, iaitu semasa pemerintahan Yang Dipertuan Muda Ke III Daeng Kemboja, Riau telah dilanda oleh pergeseran yang berlaku di antara orang-orang Bugis dengan kumpulan orang-orang Melayu akibat dari kelemahan Sultan Sulaiman.

Pergeseran ini sebenarnya didokong oleh Tun Dalam atau Raja Kecil Terengganu, iaitu menantu Sultan Sulaiman Badrul-alam Shah, Yang Dipertuan Besar Empayar Riau-Johor-Pahang. Sebab utama yang menyebabkan Tun Dalam dan pengikutnya menentang Yam Tuan Muda Daeng Kemboja ialah perasaan cemburu beliau (Tun Dalam) terhadap kuasa dan pengaruh Bugis yang semakin kuat di Riau. Pada masa itu, pada pandangan Tun Dalam, Daeng Kemboja adalah merupakan pemerintah sebenar, kerana Sultan Sulaiman hanya bertindak sebagai pemerintah boneka semata-mata.

Keadaan ini semakin bertambah meruncing terutamanya kepada Yam Tuan Muda dan orang-orang Bugis kerana mereka merupakan penduduk minoriti di Riau. Oleh itu Daeng Kemboja dan pengikutnya telah memikirkan untuk meninggalkan Riau, mencari perlindungan di tempat lain.

Sekali lagi Tuhfat al-Nafis telah menyebut Linggi sebagai penempatan baru kepada mereka. Seperti yang terbukti kemudiannya, tempat ini juga telah dijadikan pusat kepada beliau untuk melancarkan perangannya terhadap Belanda di Melaka.

Mengikut catatan Tuhfat al-Nafis, orang-orang Belanda yang telah berjaya dipengaruhi oleh Tun Dalam untuk menyerang Daeng Kemboja, telah membuat pendaratan mengejut di Tanjung Serai, lalu mengalahkan pasukan Daeng Kemboja, yang kemudiannya berundur ke Rembau.

Pendaratan mengejut di Tanjung Serai, lebih kurang sebatu ke selatan muara Sungai Linggi, dalam usaha menyerang orang-orang Bugis yang berkubu di sebuah kampung di sana, adalah satu bukti yang jelas bahawa tempat itu ialah Kuala Linggi, dan bukannya Linggi yang terletak 10 batu dari muara, yang juga merupakan tempat yang dipilih oleh Daeng Kemboja sebagai penempatannya yang baru.

'Sejarah Selangor, oleh Sir Richard Winstedt, yang diterbitkan pada tahun 1934 dalam JMBRAS adalah merupakan satu lagi catatan sejarah yang ada menyebutkan berkenaan Linggi.

Sebagai satu sumber dalam mendapatkan bahan, manuskrip Tuhfat al-Nafis yang diterbitkan hanya dua tahun sebelum beliau menerbitkan tulisannya sendiri, adalah menjadi perkara biasa bahawa beliau telah mengikut jejak Raja Ali Haji dalam memperkenalkan Linggi sebagai kawasan berlakunya perperangan di atas; begitu juga sebagai tempat di mana Daeng Kemboja mendirikan penempatan barunya setelah meninggalkan Riau.

Walau bagaimanapun beliau dipercayai telah menggunakan sumber-sumber lain dalam menulis karya sejarah beliau, seperti yang jelas dapat dilihat bahawa beliau telah dapat menerangkan dengan lebih terperinci akan perperangan tersebut yang melibatkan Daeng Kemboja dan sekutu-sekutu beliau Rembau dan Selangor, menentang Belanda. Begitu juga dengan penawanan Melaka oleh tentera-tentera sekutu mereka.

Perperangan tersebut berlaku selama lebih dari satu tahun, dan apabila Belanda akhirnya berjaya mengalahkan Daeng Kemboja dan sekutunya pada bulan Mac 1757, maka satu perjanjian persahabatan pun ditandatangani antara orang-orang Bugis dengan Belanda di Kota Filipina pada 1hb. Januari 1758.

Sir Richard Winstedt juga mengatakan, 'pada 1hb. Januari 1758 di Kota Filipina, Linggi, Daeng Kemboja, Raja Tua dari Kelang, dan Raja Adil iaitu seorang ketua orang-orang Bugis yang akhirnya berjaya mengisyiharkan dirinya sebagai Yang Dipertuan Muda Rembau, juga sama-sama mengikat perjanjian dengan Belanda'. Perjanjian ini pada dasarnya adalah satu perjanjian persahabatan, tetapi di dalam satu perenggan perjanjian tersebut ada menyatakan bahawa Belanda mempunyai hak monopolii ke atas bijih timah dari Linggi, Rembau dan Kelang.

Perjanjian tersebut dianggap berbeza dari perjanjian yang terdahulu, yang melibatkan pemerintah Melayu dengan wakil kuasa-kuasa barat, baik Portugis, Belanda atau pun Inggeris. Oleh itu terdapat sedikit tandatanya mengenai perjanjian tersebut.

Terdapat juga sedikit kekeliruan dari kenyataan Winstedt di atas, terutamanya mengenai kedudukan kota Filipina. Sebenarnya kota tersebut terletak di atas sebuah tanjung di tebing kiri muara Sungai Linggi. Kota tersebut juga merupakan salah satu kota yang ditulis oleh Haji A. Mubin Sheppard (sekarang Tan Sri Datuk Hj. Mubin Sheppard) di dalam sebuah risalah yang diterbitkan pada tahun 1961.

Selepas Perang Dunia II, terdapat dua buah lagi hasil sejarah diterbitkan iaitu 'Sungei Ujong' oleh J.M. Gullick, M.A. (Cantab.) dalam JMBRAS pada tahun 1948, dan 'Sejarah Johor' oleh Hj. Buyong Adil, diterbitkan oleh DBP pada tahun 1970. Di dalam kedua-dua buah buku tersebut, kesilapan-kesilapan yang sama juga telah berlaku seperti mana yang terdapat pada hasil tulisan Raja Ali Haji dan Winstedt.

Untuk menjelaskan kekeliruan yang tidak berasas yang kerap berlaku mengenai perperangan tersebut di Linggi, Gullick, pada awal tulisannya dalam 'Sungei Ujong' telah mengutarakan tiorinya 'bahawa Linggi telah mengalami ke-

majuan arah ke hulu, dari muara'. 'Kemajuan' tersebut hanyalah dibuat secara jalan mudah mengikut bayalan Gullick sendiri, yang telah memikirkan akan kemajuan/progress serta kemaraan ke daerah pedalaman dari 'Sang Hiang Hujung' yang kemudiannya disebut 'Sungei Ujong'. 'Sang Hiang Hujung' mengikut beliau adalah berasal dari kata-kata Bahasa Jawa ke atas Tanjung Rachardo (Cape Rachardo) yang diberi nama 'Tanjung Tuhan' oleh beliau, dan bukannya 'Tanjung Tuan' seperti yang lebih dikenali di kalangan orang-orang Melayu.

Tiori beliau ini dianggap lucu, keterlaluan dan seterusnya tidak dapat diterima memandangkan kepada hakikat akan kebiasaan penggunaan imbuhan di kalangan orang Melayu ke atas perkataan 'kuala' kepada kampung atau penempatan di muara-muara sungai.

Persoalannya sekarang ialah samada nama dari perkataan Jawa 'Sang Hiang Hujung' itu benar merujuk kepada nama tempat Tanjung Rachardo atau sebaliknya, saya serahkan kepada ahli-ahli bahasa dan para serjana sekalian untuk memberikan jawapannya.

Tidak seperti Gullick, Tuan Haji Buyong Adil dalam 'Sejarah Johor' yang diterbitkan pada 1970, sebenarnya dengan jelas tanpa kerumitan telah dapat menerangkan bagaimanakah perperangan seperti yang ditulis dalam *Tuhfat al-Nafis* itu berlaku, yang berkemungkinan besar berlaku di pedalaman Linggi. Beliau juga menyatakan bagaimana kedudukan Tanjung Serai adalah 10 batu dari pantai. Beliau juga menerima dan berpuashati tanpa sebarang kritik akan kenyataan-kenyataan yang boleh dipertanggungjawabkan seperti yang dicatitkan di dalam bibliografi di akhir 'Sejarah Johor'.

Kedua-dua pengarang itu adalah sama-sama bertanggungjawab untuk membuktikannya dan mendapatkan penjelasan dari penduduk Linggi bahawa tidak ada tradisi tempatan yang mengaitkan nama lima Bugis bersaudara dan Yam Tuan Muda Daeng Kemboja dengan penempatan Bugis ini, yang telah diasaskan 16 tahun setelah kemangkatan Daeng Kemboja pada tahun 1777.

En. Gullick ialah seorang Setiausaha kepada Penasihat Inggeris di Negeri Sembilan pada tahun 1948, sementara Tuan Haji Buyong pula adalah orang Rembau, dengan mudah boleh pergi ke Linggi, sama ada mengikut Jalan Kundor atau pun Titian Bintangor.

Raja Ali Haji pula, menulis *Tuhfat al-Nafis* jauh dari Riau, 111 tahun yang lalu, tidak juga dipersalahkan kerana tidak mendapat gambaran dan pengetahuan yang tepat dari hal geografi daerah pesisiran Negeri Sembilan dan nama-nama tempat di kawasan tersebut.

*Kegembiraan adalah bergantung kepada apa yang kamu sumbangkan, bukannya apa yang kamu perolehi — Mahatma Ghandi.*